

Sabtu, 2 Mei 2015

### **1. Cuti tanpa rekod diperluas**

Tiga hari bagi kematian ibu bapa mertua, ibu bapa angkat dan anak angkat untuk kakitangan awam

KUCHING 1 Mei - Kakitangan kerajaan akan dibenarkan mengambil cuti tanpa rekod selama tiga hari bagi urusan kematian membabitkan ibu bapa mertua, ibu bapa angkat dan anak angkat yang sah di sisi undang-undang, berkuat kuasa 1 Julai ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sebelum ini, cuti tanpa rekod yang diberikan kepada kakitangan awam hanya melibatkan urusan kematian ahli keluarga terdekat iaitu isteri atau suami, anak-anak dan ibu bapa kandung sahaja.

Beliau berkata, keputusan memperluaskan pelaksanaan cuti tersebut merupakan antara tiga penambah baik yang diberikan oleh kerajaan bagi manfaat pekerja awam dan swasta di negara ini sempena sambutan Hari Pekerja 2015.

Menurut Najib, beliau tidak mempunyai apa-apa yang menggemparkan untuk diumumkan sempena sambutan Hari Pekerja kali ini tetapi tiga penambah baik itu diharap dapat memberi manfaat kepada para pekerja di negara ini.

"Walaupun tidak ada pengumuman menggemparkan hari ini (sempena Hari Pekerja 2015) tetapi tidak berbaloi lah jika tuan-tuan datang dari jauh, saya tidak ada memberi apa-apa (imbuh).

"Jadi pertama, saya nak umumkan kerajaan bersetuju menambah baik pelaksanaan kemudahan cuti tanpa rekod kepada kakitangan kerajaan bagi urusan kematian ahli keluarga terdekat selama tiga hari merangkumi suami atau isteri, anak-anak dan ibu bapa kandung diperluaskan kepada ibu bapa mertua, ibu bapa angkat serta anak angkat yang sah di sisi undang-undang, berkuat kuasa 1 Julai ini," katanya.

Beliau berucap dalam majlis sambutan Hari Pekerja 2015 Peringkat Kebangsaan di Pusat Konvensyen Borneo Kuching di sini hari ini.

Yang turut, hadir Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem dan timbalannya, Tan Sri Alfred Jabu Numpang; Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot Jaem dan timbalannya, Datuk Seri Ismail Abdul Mutalib; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal; Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk Seri Saripuddin Kasim; Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Tan Sri Mohamad Morshidi Abdul Ghani; Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Mohd. Khalid Atan dan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Aziz Muda.

Sambutan Hari Pekerja 2015 Peringkat Kebangsaan kali ini mencatatkan sejarah kerana pertama kali diadakan di luar Semenanjung dan disambut bersama-sama oleh Kementerian Sumber Manusia, kerajaan negeri, MTUC, CUEPACS, Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Sambutan kali ini juga paling meriah apabila dihadiri oleh 10,000 pekerja awam dan swasta yang datang dari seluruh negara.

Mengulas lanjut, Najib berkata, penambah baik kedua ialah kerajaan memutuskan supaya Program Saringan Kesihatan Percuma bagi pekerja sektor swasta berumur 40 tahun ke atas yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) pada 2013 diteruskan.

"Saya sudah mengarahkan Perkeso agar meneruskan program tersebut dengan turut menyediakan perkhidmatan pemeriksaan bergerak di premis majikan.

"Ketiga, sukacita saya mengumumkan bahawa kita mencadangkan supaya Perkeso memperluaskan liputan Skim Perlindungan yang ketika ini dihadkan kepada pekerja bergaji RM3,000 ke bawah kepada semua pekerja tempatan dalam sektor swasta tanpa mengira had gaji dengan siling caruman yang diinsurans ditingkatkan dari RM3,000 kepada RM4,000.

"Cadangan ini dijangka memberi manfaat berbentuk nilai faedah yang lebih tinggi untuk perlindungan Perkeso dengan tambahan kira-kira 500,000 pekerja menikmatinya iaitu meningkat kepada 6.5 juta daripada 6 juta pekerja sebelum ini," jelasnya.

Beliau berkata, semua pekerja dalam sektor swasta yang dilindungi di bawah skim terbabit layak menerima faedah perlindungan insurans secara automatik.

Mengenai cadangan CUEPACS yang meminta kerajaan meningkat jumlah gaji minimum pekerja di negara ini, Najib berkata, permintaan tersebut sedang dipertimbangkan tetapi mustahil dapat tunaikan dalam tempoh terdekat kerana perlukan perbincangan lanjut, malah tiada negara yang menaikkan gaji minimum pekerjanya pada setiap tahun.

Dalam pada itu, beliau meminta pihak berkuasa berkaitan agar mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga barang ekoran pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) supaya tidak membebankan rakyat.



Khamis, 7 Mei 2015

## **2. Sultan Johor titah kaji semula undang-undang LPHJ**

JOHOR BAHRU 7 Mei - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar hari ini menitahkan kerajaan negeri supaya mengkaji semula rang undang-undang Lembaga Perumahan dan Hartanah Johor (LPHJ).

Baginda bertitah, rang undang-undang tersebut perlu dilakukan pindaan supaya ia selaras dengan enakmen lain yang berkuatkuasa di negeri Johor.

Titah Sultan Ibrahim, sekiranya rang undang-undang itu baginda luluskan, maka ia akan menjadi tidak selaras dengan beberapa enakmen lain yang diguna pakai sebelum ini tanpa ada masalah seperti enakmen Perbadanan Johor 1968.

"Saya tidak bersetuju dengan rang undang-undang LPHJ yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada persidangan lalu kerana ia dipinda mengikut desakan orang luar yang cetek akal yang tidak faham mengenai kuasa raja di dalam undang-undang tubuh kerajaan Johor," titah baginda.

Sultan Johor bertitah pada Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Ketiga Dewan Undangan Negeri Johor yang Ke-13 di Bangunan Sultan Ibrahim di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE



Sabtu, 9 Mei 2015

## **3. Jabatan Audit perlu segerakan audit 1MDB-Hishammuddin**

KUALA LUMPUR 9 Mei - Proses audit yang dijalankan Jabatan Audit Negara terhadap 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) perlu dipercepatkan agar orang ramai dapat mengetahui kedudukan kewangan sebenar syarikat tersebut.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, pada masa sama, Lembaga Pengarah 1MDB juga disarankan supaya melantik sebuah firma antarabangsa bagi melaksanakan audit forensik.

Beliau yang juga Naib Presiden UMNO memberitahu, firma audit bebas itu boleh memeriksa, memberi verifikasi dan mendedahkan nilai semua aset, liabiliti, status portfolio pelaburan serta kedudukan aliran tunai 1MDB kepada umum. - UTUSAN ONLINE

Khamis, 11 Mei 2015

#### 4. Percepatkan siasatan 1MDB

##### Laporan dibentangkan untuk pengetahuan rakyat

KUALA LUMPUR 11 Mei - Majlis Tertinggi UMNO (MT) meminta Ketua Audit Negara mempercepatkan siasatan terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan laporan siasatan dibentang untuk pengetahuan rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, langkah tersebut bagi membolehkan rakyat mengetahui dalam tempoh lebih cepat keputusan audit yang dijalankan ke atas syarikat pelaburan strategik negara itu.

"Saya harap Ketua Audit Negara dapat buat kenyataan tentang bila laporan tersebut dapat dibentangkan kepada Jawatan Kuasa Kira-kira Wang Negara (PAC)," katanya.

Najib yang juga Presiden UMNO berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT UMNO di sini hari ini.

Tambah Perdana Menteri, pada masa sama MT UMNO berharap tindakan tegas dapat diambil kepada sesiapa sahaja yang didapati menyalahi undang-undang berdasarkan laporan itu nanti.

Kata beliau, MT UMNO juga memberi sokongan kepada usaha menyelesaikan masalah 1MDB dan meletakkan Jabatan Audit Negara sebagai satu badan yang dapat menyelesaikan permasalahan.

Beliau memberitahu, beberapa anggota MT UMNO turut menawarkan pengalaman dan pengetahuan mereka untuk membantu dalam menyelesaikan masalah 1MDB.

"Dalam pada itu, apa-apa langkah tegas yang boleh diambil, maka dengan nasihat MT, kerajaan akan memberi pertimbangan dan akan membuat keputusan selanjutnya," ujarnya.

Mengenai isu Lembaga Tabung Haji (TH), Najib yang juga Menteri Kewangan sekali lagi menegaskan bahawa wang pendeposit adalah dijamin kerajaan.

Beliau berkata, pihaknya akan mengambil maklum mengenai perkara itu dan MT UMNO telah memberi pandangan mereka terhadap perkara tersebut.

"Pendeposit tidak perlu bimbang kerana semua deposit di Tabung Haji dijamin oleh kerajaan. Jadi, tidak berbangkit jika ada mana-mana pihak menghasut mereka untuk mengeluarkan deposit daripada Tabung Haji," katanya.

Selasa, 12 Mei 2015

## 5. PAC mulakan prosiding siasatan terhadap 1MDB 19Mei

KUALA LUMPUR 11 Mei - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia akan memulakan prosiding siasatan ke atas syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) pada 19 Mei ini.

Prosiding ini akan turut memanggil Ketua Setiausaha Perbendaharaan (MoF), Tan Sri Irwan Serigar Abdullah dan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rahmat Bivi Abdullah, kata Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed menerusi satu kenyataan di sini.

Pada minggu berikutnya, 26 Mei 2015 pula, PAC akan memanggil Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Arul Kanda Kandasamy, serta bekas CEO pertama 1MDB, Datuk Shahrul Ibrahim Halmi, yang berkhidmat sejak Mac 2009 hingga Mac 2013.

Nur Jazlan Mohamed berkata, jawatankuasa berkenaan telah sebulat suara bersetuju untuk memulakan prosiding siasatan terhadap 1MDB pada satu perbincangan khas pada 30 April lepas.

"Dalam perbincangan ini, semua ahli PAC yang terdiri daripada lapan Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) serta lima daripada pembangkang, sebulat suara bersetuju memanggil semua pihak terbabit dalam pengurusan kawalan tadbir urus 1MDB sejak ia mula ditubuhkan pada 2009 selepas bertukar fungsi daripada Pihak Berkuasa Pelaburan Terengganu (TIA)," katanya.

"PAC akan memulakan prosiding dengan memanggil Pegawai Pengawal syarikat 1MDB iaitu Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Ketua Pengarah EPU yang pernah hadir memberikan keterangan kepada jawatankuasa ini pada 2012," katanya.

Nur Jazlan berkata, surat panggilan terhadap Kementerian Kewangan dan EPU sudah dihantar pada 6 Mei lepas dan mengikut peraturan dan kuasa yang diberikan kepada PAC oleh Parlimen Malaysia, semua pihak berkaitan perlu hadir di hadapan jawatankuasa ini.

Katanya, EPU telah menghantar surat balas kepada PAC pada Jumaat lalu selepas menerima surat panggilan yang dikeluarkan pada 6 Mei, untuk memaklumkan unit berkenaan tidak bertanggungjawab terhadap tadbir urus 1MDB.

Bagaimanapun, Nur Jazlan berkata, PAC tetap mahukan EPU hadir memberikan keterangan di hadapan jawatankuasa berkenaan kerana mereka pernah hadir sebanyak dua kali bagi menjelaskan mengenai pelaburan syarikat terbabit selain turut bertanggungjawab terhadap pembangunan tanah Tun Razak Exchange (TRX) serta Bandar Malaysia, Sungai Besi.

"Kita sudah menghantar semula surat panggilan terhadap EPU pada hari ini, bagi memastikan mereka hadir pada 19 Mei ini bersama-sama MoF bagi memulakan prosiding.

"PAC berpendapat jawatankuasa ini tidak boleh menunggu laporan Ketua Audit Negara yang turut mengaudit syarikat ini atas arahan Kabinet, kerana terlalu banyak persepsi serta spekulasi dalam kalangan rakyat yang semakin bimbang ke atas status operasi serta kewangan dana pelaburan kerajaan ini," katanya. - BERNAMA



Isnin, 18 Mei 2015

#### 6. Usah buat spekulasi mengenai 1MDB

KUALA LUMPUR 17 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini meminta orang ramai tidak membuat spekulasi atau kesimpulan mengenai 1Malaysia Development Bhd (1MDB) tanpa bersandarkan maklumat yang akan diumumkan Ketua Audit Negara, tidak lama lagi.

Dalam catatan terbaharunya di blog NajibRazak.com bagi menjawab tuduhan mengenai 1MDB, Najib berkata, laporan itu akan memperincikan butiran kewangan syarikat pelaburan berkenaan.

"Kita semua mahukan jawapan yang terperinci tetapi lebih wajar kita membiarkan juruaudit melaksanakan tugas mereka dan memaklumkan dengan jelas apakah keadaan sebenarnya.

"Jika kita membuat kesimpulan terlebih dulu, kita hanya melemahkan mereka, seperti mana dilakukan ramai yang lain. Ini bukanlah prosedur yang betul," katanya.

Tegas Perdana Menteri, jika rakyat ikhlas mencari kebenaran di sebalik isu membabitkan 1MDB, mereka seharusnya mendapatkan maklumat daripada sumber sahih (seperti Ketua Audit Negara) dan bukannya diperoleh daripada portal berita pihak ketiga atau mana-mana blog dalam talian yang mempunyai agenda tersembunyi.

Malah, kata Najib, adalah tidak adil bagi segelintir ahli politik untuk 'menghukum kerajaan dalam mahkamah persepsi awam' sebelum fakta sebenar diumumkan pihak berkuasa yang sahih seperti Ketua Audit Negara dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) yang dwipartisan.

"Apabila kebimbangan (mengenai 1MDB) dibangkitkan, saya mahukan penjelasan yang terperinci dan telah mengarahkan Ketua Audit Negara dan PAC menyiasat 1MDB.

"Sesiapa yang didapati bersalah melakukan sebarang penyelewengan atau salah laku akan dibawa ke muka pengadilan," tegasnya.

Sementara itu, dalam laporan berita terbaru, 1MDB berkata, lembaga pengarah dan barisan pengurusannya memberi kerjasam penuh kepada pihak Ketua Audit Negara, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan PAC bagi membuat penilaian terhadap syarikat berkenaan. - BERNAMA



Rabu, 20 Mei 2015

## 7. Kerajaan digesa segera gubal, pinda Akta SPRM 2009

PUTRAJAYA 19 Mei - Kerajaan digesa menyegerakan penggubalan undang-undang tentang liabiliti korporat dan salah laku penjawat awam bagi meningkatkan keberkesanan fungsi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) berkata, penggubalan akta tersebut mampu memperkuatkan usaha SPRM untuk memerangi rasuah secara menyeluruh dan efektif.

Tambahnya, pindaan Seksyen 23 Akta SPRM 2009 perlu dilakukan segera bagi memastikan penjawat awam tidak memanipulasikan sebarang kelemahan dalam undang-undang, khususnya melibatkan pemberian tender dan kontrak.

"Selain itu, Seksyen 36 Akta SPRM 2009 juga perlu dipinda untuk mewajibkan kakitangan kerajaan mengisyiharkan aset sekiranya mereka mempunyai kekayaan di luar kemampuan dan disyaki hasil amalan rasuah.

"Pada masa ini, tiada peruntukan undang-undang untuk mewajibkan para penjawat mengisyiharkan aset dan situasi sebegini menyulitkan tugas siasatan SPRM," kata LPPR menerusi kenyataannya, di sini hari ini.

LPPR memberitahu, SPRM telah lama mengesyorkan penggubalan akta-akta tersebut, bagaimanapun tiada sebarang tindakan susulan dibuat kerajaan tentang hasrat tersebut.

Pada masa sama, LPPR turut menggesa Ahli-ahli Parlimen untuk menyokong pindaan Perlembagaan Persekutuan iaitu berkaitan aspek perkhidmatan Ketua Pesuruhjaya SPRM dan penubuhan suruhanjaya perkhidmatan pegawai badan tersebut.

Jelasnya, gesaan itu dibuat bagi memantapkan peranan SPRM dan meningkatkan pandangan masyarakat terhadap imej badan tersebut dalam memerangi rasuah dan penyalahgunaan kuasa di negara ini.

"Usaha memerangi rasuah merupakan tanggungjawab besar untuk diambil oleh satu agensi penguatkuasaan tertentu sahaja.

"Dalam konteks ini, SPRM memerlukan sokongan tidak berbatas dan kerjasama daripada semua pihak yang berkepentingan secara kolektif," katanya.

Menyentuh tentang operasi bersepodu, Ops Gergaji di Sarawak baru-baru ini, LPPR memandang serius perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan yang memberi impak mendalam kepada masyarakat dan negara.

Katanya, Ops Gergaji diadakan bagi membanteras kegiatan rasuah, pembalakan dan penebangan hutan secara haram serta perbuatan mengelak cukai oleh pemilik syarikat pembalakan di Sarawak.

"Operasi ini menyampaikan mesej jelas bahawa pihak SPRM tidak akan bertolak ansur dengan sebarang perlakuan rasuah dan usaha melindungi pembalakan haram," katanya.



Ahad, 24 Mei 2015

#### **8. Amaran KSN:5,000 staf awam 'makan gaji buta' disingkir**

KUALA LUMPUR 23 Mei - Kira-kira 5,000 kakitangan awam berjawatan tetap yang 'makan gaji buta' kini berada dalam radar Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk ditamatkan perkhidmatan jika tidak berubah selepas diberi tempoh enam bulan

Kumpulan itu dikenal pasti terpalit dengan pelbagai masalah disiplin antaranya ponteng kerja selama 200 hari dalam setahun, datang lewat ke pejabat, terlibat dengan perniagaan serta hilang fokus sehingga penilaian prestasi mereka berada di bawah 60 peratus.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa ketika mengesahkan perkara itu berkata, tindakan tegas tersebut perlu diambil selari dengan pelan transformasi perkhidmatan awam kerana tidak adil untuk jabatan terus mengekalkan mereka yang hanya 'makan gaji buta'.

Bagaimanapun katanya, sebelum ditamatkan perkhidmatan, kumpulan kakitangan awam yang bermasalah tersebut akan diberi peluang untuk memperbaiki prestasi kerja masing-masing dalam tempoh enam bulan terlebih dahulu sebelum penyingkiran dibuat jika masih tidak berubah.

"Kita bukan hina penjawat awam, ini untuk kebaikan penjawat awam tersebut dan juga jabatan. Mereka tak fokus, terlibat dengan perniagaan, ponteng kerja dan macam-macam lagi. Orang macam ini saya rasa kita tidak perlu pertahankan untuk kita bayar gaji buta."

"Jumlah 5,000 bukan angka mengejutkan kerana keseluruhan penjawat awam 1.61 juta tetapi kita akan panggil mereka untuk diberi latihan. Tapi kalau mereka masih tak mahu tolong diri sendiri kita tak dapat berbuat apa," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas perasmian Hari Terbuka Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini hari ini.

Ali berkata demikian ketika diminta mengulas dasar pemisah personal berprestasi rendah bagi penjawat awam yang diumumkan Perdana Menteri semasa pembentangan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) dalam usaha mentransformasi perkhidmatan awam.

Kepada soalan apa reaksi Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) berhubung langkah tersebut, beliau berkata, sesi perbincangan mengenai perkara itu sudah dilakukan sebelum ini dan kesatuan tersebut melahirkan persetujuan.

Beliau dalam nada yang tegas juga menjelaskan, tindakan yang akan diambil ke atas kakitangan awam bermasalah itu bukan bertujuan mengecilkan saiz tenaga kerja sektor awam kerana pengambilan baharu tidak akan dibekukan bagi menggantikan mereka yang bersara.

"Kita memberi jaminan tiada langkah mengecilkan saiz tenaga kerja sektor awam kerana pengambilan baharu akan tetap dibuat bagi menggantikan kakitangan yang bersara berjumlah 25,000 setahun, cuma perjawatan baharu sahaja yang dibekukan," katanya.



Isnin, 25 Mei 2015

#### 9. Nafi 1MDB tidak beri kerjasama

KUALA LUMPUR 24 Mei - Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang menafikan pernah mengeluarkan kenyataan bahawa 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak memberi kerjasama kepada Jabatan Audit Negara dalam proses pgauditan akaun syarikat pelaburan strategik itu.

Katanya, dakwaan sebuah poster yang menjadi viral di laman sosial kononnya siasatan terhadap 1MDB akan mengambil masa lama berikutan keengganahan syarikat berkenaan menyerahkan dokumen adalah tidak benar.

"Saya tidak keluarkan apa-apa kenyataan," katanya melalui aplikasi WhatsApp seperti dilaporkan portal [www.mykmu.net](http://www.mykmu.net) hari ini.

Ambrin berkata demikian ketika mengulas penyebaran poster tersebut yang memetik kenyataan beliau kononnya Jabatan Audit negara masih belum menerima apa-apa dokumen daripada 1MDB.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan melalui Twitter beliau semalam turut menafikan dakwaan poster berkenaan dan menegaskan 1MDB telah memberi kerjasama penuh terhadap proses audit yang sedang dilakukan.

"Poster disebar sehari dua ini dalam media sosial. Ia tidak benar. Pengurusan dan Lembaga Pengarah 1MDB sudah beri kerjasama penuh kepada Ketua Audit Negara," katanya.



Isnin, 25 Mei 2015

#### **10. Penjelasan Kementerian Kewangan**

KEMENTERIAN Kewangan ingin menjelaskan bahawa jawapan bertulis Dewan Rakyat yang dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengenai kedudukan kewangan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di bank BSI Singapura telah ditulis dan disemak oleh pegawai kementerian berdasarkan maklumat dari 1MDB .

Kementerian Kewangan telah meminda jawapan asal yang dibuat pada 10 Mac 2015 agar tidak timbul kekeliruan mengenai kedudukan kewangan 1MDB di BSI Singapura dan selaras dengan tuntutan urusan Parlimen.

Tindakan Kementerian Kewangan meminda jawapan asal adalah bukti ia tidak berniat sama sekali hendak berbohong mengenai perkara tersebut.

Lantas, dakwaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa Datuk Seri Najib yang juga Menteri Kewangan telah berbohong adalah tidak wajar.

Ini ialah kerana lazimnya jawapan bertulis di Dewan Rakyat dibuat atas nama beliau berdasarkan maklumat yang diberikan oleh agensi berkenaan yang kemudiannya disemak dan diedarkan oleh para pegawai.

Kementerian Kewangan telahpun mengambil tindakan sewajarnya agar perkara ini tidak berulang.

Isnin, 25 Mei 2015

### 11. Adakan semula Tribunal Perkhidmatan Awam

KUALA LUMPUR 24 Mei - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) menyarankan kerajaan mewujudkan kembali Tribunal Perkhidmatan Awam bagi memberi keadilan dan ketelusan kepada penjawat awam bermasalah kerana ada dalam kalangan mereka mungkin teraniaya.

Presiden CUEPACS, Datuk Azih Muda berkata, kewujudan tribunal itu membolehkan kes yang melibatkan penjawat awam dengan pelbagai kesalahan dan rekod yang tidak baik diselesaikan melalui perbicaraan.

"Melalui Tribunal Perkhidmatan Awam, pesalah atau individu yang mempunyai penilaian prestasi di bawah 60 peratus boleh mendapatkan pembelaan yang sewajarnya jika mereka berada dalam kategori individu yang teraniaya.

"Kewujudan kembali tribunal ini menunjukkan kerajaan mementingkan keadilan kepada mereka sesuai dengan amalan dan ketelusan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam pentadbiran beliau," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Isnin, 25 Mei 2015

### 12. Tambahan katil dipohon untuk Hospital Langkawi dalam RMK-11

KUALA LUMPUR 25 Mei - Kementerian Kesihatan telah memohon tambahan 140 katil baharu dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) untuk Hospital Langkawi bagi mengatasi kesesakan di hospital berkenaan.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya berkata ia bagi menampung keperluan kira-kira 120,000 penduduk serta pelancong di pulau berkenaan yang disifatkan semakin mendesak pada masa ini.

"Kementerian faham mengenai masalah ini, dengan jumlah penduduk yang semakin meningkat dan kemasukan pelancong, keperluannya mungkin lebih besar.

"Bagi keperluan mendesak ini kita telah pohon 140 katil baharu pada RMK-11 bagi mengatasi masalah ini," katanya ketika sesi soal jawab pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Beliau menjawab soalan Datuk Ir. Nawawi Ahmad (BN-Langkawi) yang mahu kementerian menyatakan apakah langkah bagi mengatasi kesesakan katil dan kakitangan di Hospital Langkawi.

Menurut Hilmie, sebagai langkah mengatasi kesesakan pada masa ini, kementerian memperuntukkan 'fi tunggu sedia' sebanyak RM60,000 sebulan bagi proses pemindahan kes-kes yang dianggap berat dan kecemasan ke Hospital Sultanah Bahiyah melalui ambulans air.

Katanya, secara purata terdapat 15 hingga 30 kes berat dan kecemasan yang dirujuk ke hospital Sultanah Bahiyah setiap bulan dipindahkan dari jeti Kuah ke Kuala Kedah yang menelan kos RM3,500 setiap kes.

Kini terdapat sebanyak 110 katil di Hospital Langkawi dengan kadar pengisian katil ialah 90 peratus, katanya. - BERNAMA



Khamis, 28 Mei 2015

### 13. Aset 1MDB RM51.4b

KUALA LUMPUR 27 Mei - Jumlah keseluruhan aset 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang telah diaudit untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2014 ialah RM51.4 bilion.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, jumlah itu merangkumi aset semasa bernilai RM19.5 bilion dan aset bukan semasa berjumlah RM31.9 bilion.

Beliau menambah, 1MDB mempunyai kedudukan aset-aset yang kukuh, antaranya tanah untuk pembangunan di pusat kewangan Tun Razak Exchange dan Bandar Malaysia di Kuala Lumpur, tanah di Pulau Pinang seluas 34 ekar serta 13 loji jana kuasa dan penyahgaraman (desalination) di lima negara.

"Nilai aset-aset 1MDB disokong oleh laporan penilaian yang berkenaan ataupun buku (book value) yang telah disahkan oleh juruaudit bebas (Deloitte)," katanya dalam jawapan bertulis yang diedarkan di Parlimen hari ini.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata demikian bagi menjawab soalan **Wong Chen (PKR-Kelana Jaya)** tentang semua aset dan nilai individu untuk setiap aset yang membentuk jumlah aset 1MDB yang bernilai RM50 bilion.

Sementara itu, menjawab soalan daripada **Tony Pua (DAP-Petaling Jaya)** tentang isu berkaitan 1MDB dan International Petroleum Investment Corporation (IPIC), Najib memberitahu, berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh pihak pengurusan 1MDB kepada Kementerian Kewangan, aturan antara 1MDB dengan IPIC dibuat secara 'arm's length' dengan terma-terma komersial yang mengikut piawaian pasaran.

"Pengumuman yang sewajarnya akan dibuat apabila nilai muktamad penebusan opsyen diselesaikan dan dilaporkan di dalam pernyataan kewangan beraudit yang akan datang," katanya.

Tony Pua bertanya tentang sebab 1MDB memperoleh jaminan daripada IPIC untuk terbitan-terbitan bon berjumlah AS\$3.5 bilion (RM12.6 bilion) yang mengenakan syarat-syarat yang begitu menyeksakan, selain jumlah yang dibayar oleh 1MDB untuk menebus opsyen yang diberi kepada anak syarikat IPIC, Aabar Investment PJS.



Khamis, 28 Mei 2015

#### **14. PAC tidak akan berkompromi dengan prosiding siasatan 1MDB**

KUALA LUMPUR 28 Mei - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) tidak akan berkompromi jika terdapat unsur penipuan sepanjang prosiding siasatan berhubung isu berkaitan syarikat pelaburan strategik kerajaan, 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, pihaknya akan bertindak tegas sekiranya terdapat tindakan menipu bertujuan melengahkan prosiding siasatan melibatkan dua saksi, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1Malaysia Development Berhad (1MDB) Arul Kanda Kandasamy dan bekas CEO Datuk Shahrol Halmi yang tidak hadir pada prosiding minggu lepas.

"Kali ini jika terdapat sebarang bukti mereka menipu kami, kami (PAC) akan lebih agresif daripada biasa," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan pegawai kanan Kementerian Pertahanan di bangunan Parlimen di sini, hari ini.

Menjelaskan isu itu, Nur Jazlan berkata beliau tidak dapat mengesahkan dakwaan bahawa kedua-dua saksi penting berkenaan mempunyai urusan di luar negara.

"Semua orang telah mendengar begitu banyak tuduhan, sindiran dan macam-macam, dan mereka tidak tahu sama ada ia benar atau palsu dan ada kecenderungan untuk mengisyiharkan beberapa orang yang bersalah.

"Bila mereka datang, kami akan tanya sama ada benar atau tidak mereka tidak berada di dalam negara pada tarikh mereka sepatutnya berjumpa kami," katanya.

Beliau berkata, semua pihak tidak seharusnya mendengar pelbagai dakwaan berhubung isu 1MDB, sebaliknya memberikan prosiding siasatan dijalankan dengan sebaiknya.

Mengenai surat kepada Kementerian Kewangan pada 25 Mei lepas bagi memanggil dua firma yang mengaudit 1MDB, katanya PAC belum boleh mengesahkan kehadiran wakil daripada kedua-dua firma

iaitu Firma Deloitte (amp) Co yang dijadual bertemu PAC pada 10 Jun sementara firma KPMG pula dijadual hadir pada 17 Jun.

Terdahulu, Nur Jazlan berkata prosiding PAC hari ini memanggil Kementerian Pertahanan bagi mendapat penjelasan mengenai pembinaan dan pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Jalan Padang Tembak, di sini berikutnya pembinaan bangunan bernilai RM103 juta itu yang lewat siap.

Nur Jazlan berkata, antara individu yang dipanggil ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Datuk Seri Abd. Rahim Mohd. Radzi dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Datuk Dr Rothiah Omar dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Datuk Mohammad Foad Abdullah.

"Ini jenis bangunan tinggi pertama yang dibina ATM. Inilah kali pertama mereka dipertanggungjawabkan membina bangunan tinggi Wisma Perwira yang tarikh mula buat pada 28 Ogos 2008, siap sebenar 19 Mac 2012 dan mengalami kelewatan masa 389 hari selain isu-isu lain yang dikenal pasti ialah kualiti pembinaan, isu kontrak dan mengenai pemantauan bangunan itu," katanya.

Selain itu, Nur Jazlan berkata, pihaknya juga akan memanggil dua pegawai berkaitan isu pengurusan pembinaan Kolej Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Kepala Batas, Pulau Pinang serta pengurusan Prasarana dan kemudahan Wisma Transit Tentera Darat di Kuala Lumpur. - BERNAMA



Jumaat, 29 Mei 2015

### **15. Syor Jabatan Audit Negara di bawah Parlimen**

KUALA LUMPUR 28 Mei - Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Irmohizam Ibrahim mencadangkan supaya Jabatan Audit Negara diasingkan dari Kementerian Kewangan dan diletakkan di bawah Parlimen.

Menurutnya, langkah itu perlu kerana Parlimen dianggap sebagai berkecuali selain dapat memastikan Jabatan Audit Negara tidak terikat dengan syarat dan peraturan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Katanya, cadangan tersebut selari dengan saranan Ketua Jabatan Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang yang mahu jabatan itu dijadikan sebuah suruhanjaya seperti di United Kingdom dan Australia.

"Meletakkan Jabatan Audit Negara di bawah Parlimen akan mencantas dakwaan dan konotasi negatif yang sering timbul," katanya semasa membahaskan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Irmohizam turut menyokong cadangan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia agar dikembalikan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963.

Jelasnya, adalah tidak dinafikan bahawa pemansuhan Akta Perkhidmatan Parlimen pada 1992 menyebabkan kuasa Parlimen terhad.

"Parlimen mesti neutral dan bebas untuk mengawal selia aspek pentadbiran dan kewangannya serta tidak terikat dengan mana-mana pihak lain," katanya.